

ALOR SETAR, 28 NOV. 1976 (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MEMBUAT SEBARANG TUNTUTAN YANG TIDAK MENASABAH YANG BOLEH MENAMBAHKAN LAGI MASALAH KEPADA MASYARAKAT DAN KERAJAAN.

KATANYA, NEGARA SEKARANG SEDANG MENGHADAPI ANCAMAN KOMUNIS DAN SEBARANG MASALAH YANG DITIMBULKAN BOLEH MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN KESELAMATAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KURSUS SIVIK UNTUK PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT TEMPATAN DI SEKOLAH MENENGAH AYER HITAM, 16 BATU KE UTARA BANDAR INI.

DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN SEDANG MEMBELANJAKAN SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PERUNTUKAN NEGARA YANG TERHAD LAGI MELANCARKAN GERAKAN-GERAKAN MENGHAPUSKAN ANCAMAN KOMUNIS SUPAYA RAKYAT BOLEH HIDUP DENGAN AMAN DAN TENTERAM.

BAGI TUJUAN ITU SEGALA PERBELANJAAN YANG TIDAK MENASABAH TERPAKSA DIKETEPIKAN.

BELIAU MENASIHATI RAKYAT SEKIRANYA HENDAK MEMBUAT TUNTUTAN BIARLAH MENASABAH DAN MEMIKIRKAN KEDUDUKAN KEWANGAN SERTA KEMAMPUAN KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKANNYA. --BERSAMBUNG 1554/BY

EE

B553

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

KATANYA, KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN BERBAGAI RANCANGAN PEMBANGUNAN UNTUK MENGADAKAN SEGALA KEMUDAHAN SAPERTI BEKALAN AIR, LETRIK, JALANRAYA DI KAWASAN LUARBANDAR DI NEGERI INI.

TETAPI RAKYAT PERLULAH BERSABAR KERANA RANCANGAN ITU TIDAK DAPAT DIADAKAN DENGAN SEKALI GUS, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENGESA RAKYAT SUPAYA BERSYUKOR DENGAN APA YANG MEREKA PEROLEHI KERANA PERASAAN SEDEMIKIAN AKAN DAPAT MENENANGKAN JIWA MEREKA.

KALAU RAKYAT TENANG, MASYARAKAT JUGA AKAN TURUT TENANG. MASYARAKAT YANG TENANG AKAN MENCAPAI LEBIH BANYAK KEMAJUAN DARIPADA MASYARAKAT YANG SENTIASA TIDAK BERPUASHATI DENGAN APA YANG DINIKMATI MEREKA. --BERNAMA 1557/BY